

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

JS-SEZ rangsang ekonomi dalam jangka panjang

JS-SEZ rangsang ekonomi dalam jangka panjang

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan memberi manfaat kepada Malaysia dalam jangka masa panjang melalui aktiviti buruh dan aliran pelaburan rentas sempadan.

Ketua Ahli Ekonomi Pejabat Penyelidikan Makroekonomi Asean+3 (AMRO), Hoe Ee Khor, berkata SEZ akan menjadi pencetus perubahan untuk Malaysia dan Singapura berikutnya kedua-dua ekonomi itu amat berkait rapat dan SEZ akan lengkapkan kedua-duanya.

"Singapura adalah ekonomi dengan sumber tenaga kerja yang terhad dan amat bergantung kepada pekerja asing. Antara sumber utamanya untuk pekerja asing jalah Malaysia.

"Singapura juga mempunyai banyak modal dan Malaysia akan mendapat manfaat daripada aliran pelaburan dari Singapura ke Johor.

"Oleh itu, (faktor) berkenaan akan meningkatkan kedua-dua ekonomi dalam jangka masa panjang," katanya pada taklimat media secara maya mengenai kemas kini suku tahunan Tingkuan Ekonomi Serantau Asean+3 (AREO).

Pada 11 Januari Malaysia dan Singapura menandatangani memorandum persefahaman untuk menjayakan JS-SEZ dalam mengukuhkan hubungan ekonomi antara Johor dan Singapura.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong menyaksikan majlis pemeteraian berkenaan.

JS-SEZ dijangka meningkatkan lagi perdagangan antara Johor dan Singapura serta boleh berkembang maju seperti bandar raya Shenzhen di China yang menjadi bukti kejayaan sebagai sebuah zon ekonomi khas.

Ia turut dijangka menambah baik ekosistem perniagaan Iskandar Malaysia dan Singapura.

Antara sektor yang disaraskan zon itu ialah elektronik, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan berkaitan perniagaan dan penjagaan kesihatan.

Pada tahun lepas, Johor meraih pelaburan asing bernilai RM70.6 bilion dalam pelbagai sektor.

Singapura merupakan pelabur asing kedua terbesar di negeri itu, menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing Johor dalam sektor pembuatan.

BERNAMA